

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah kelulusan pemberian Lesen Sampan Khas (yang tidak melibatkan implikasi kewangan) membabitkan nelayan tidak berlesen di seluruh negara. Apakah punca kepada pembekuan pengeluaran Lesen Sampan yang difahamkan sejak tahun 1982 dan apakah perkembangan status lesen 1,500 nelayan Pulau Pinang yang dipohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pihak Kementerian sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, berdasarkan rekod daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam tempoh 2002 sehingga 2018, jumlah keseluruhan lesen sampan khas yang telah diluluskan di seluruh negara adalah sebanyak 38,654 permohonan. Manakala bagi Pulau Pinang sahaja sejumlah 2,851 lesen sampan khas telah diluluskan dalam tempoh yang sama. Berdasarkan kelulusan tersebut, kesemua nelayan tersebut layak menerima bantuan dan insentif nelayan yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

2. Dasar Pembekuan Lesen bagi Vesel Zon A, B dan C sejak tahun 1982 adalah berpunca daripada kemerosotan sumber perikanan negara. Kajian Taksiran Sumber Perikanan yang dijalankan antara

SOALAN NO : 134

tahun 2013 hingga 2016 oleh DOF, jelas menunjukkan tahap eksploitasi sumber perikanan secara berlebihan terus berlaku. Data pada tahun tersebut menunjukkan sumber telah berkurang kepada 15 peratus, iaitu 23,236 metrik tan daripada 150,710 metrik tan berbanding tahun 1970-an.

3. Dimaklumkan, permohonan lesen sampan yang diterima oleh Ibu Pejabat DOF bagi Pulau Pinang adalah sebanyak 872 permohonan dan bukannya sebanyak 1,500 seperti yang dinyatakan. Pada masa sama, rekod DOF juga menunjukkan sejumlah 1,525 lesen sampan tidak aktif di Pulau Pinang (tidak memperbaharui lesen secara tahunan).
4. Sehubungan itu, DOF dalam tindakan melaksanakan proses pemutihan bagi membolehkan permohonan baharu yang diterima diberi pertimbangan yang sewajarnya. Proses siasatan di lapangan serta mengemukakan surat tunjuk sebab kepada pemilik vesel akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum tindakan pembatalan lesen vesel dilaksanakan dan proses ini dijangka selesai pada 31 Disember 2020.
5. Kementerian melalui DOF akan memberi pertimbangan sewajarnya dalam kelulusan lesen sampan khas berdasarkan permohonan yang diterima. Penstrukturkan semula ke atas dasar, syarat dan kriteria pemberian kuota lesen akan dicadangkan mengikut keupayaan daya tampungan pesisir pantai berdasarkan kepada sumber perikanan sedia ada.
6. Selain itu, keutamaan juga akan diberikan kepada golongan belia bagi meningkatkan penglibatan mereka dalam bidang perikanan tangkapan serta penggunaan teknologi moden yang mesra sumber bagi memastikan kelestarian sumber perikanan negara.

Sekian, terima kasih.